

14/08/1997

## Disiplin penumpang dan bayaran letak kereta

Musomar

KESIBUKAN di stesen bas Rochor Road, Singapura, tidak jauh bezanya dengan Stesen Bas Klang di Kuala Lumpur, cuma yang lainnya ialah sikap penumpang di sana lebih sopan dan berbaris ketika menaiki bas. Apa yang menarik, kebanyakan mereka ini adalah rakyat Malaysia yang jika di tanah air sendiri tidak sabar lagi menyerbu dan berebut-rebut menaiki bas dan teksi. Inikah sikap kita, hanya cantik di luar, tetapi buruk di dalam? Kita sentuh perkara ini berikutan teguran Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pahamin Rajab, yang meminta orang ramai mendisiplinkan diri serta bekerjasama dengan pemandu bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih cekap.

Sememangnya, kebanyakan kita sukar untuk mendisiplinkan diri. Ini terbukti apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri terpaksa menegur sikap pengotor kebanyakan kita yang suka membuang sampah merata-rata. Kita sering melaung-laungkan bahawa kita 'Orang Timur' yang bersopan santun dan berbudi bahasa, tetapi hakikatnya kita sedikit pun tidak berasa malu apabila orang luar melihat persekitaran kita yang kotor dan sikap kita yang tidak senonoh ketika berebut-rebut menaiki bas atau teksi. Kita mahu Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020, tetapi kita tidak mahu mengubah sikap 'mundur' yang kita amalkan.

Mengenai disiplin di kalangan penumpang dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam, kita tidak sewajarnya menyalahkan orang ramai saja kerana sebahagian besar pemandu juga tidak berdisiplin. Kita akui memang tidak sukar mendisiplinkan pemandu dengan mengenakan pelbagai peraturan dan tindakan tegas, tetapi kita juga perlu sedar usaha pengawasan tidak boleh dilakukan setiap masa. Pemandu berkenaan mungkin begitu bersopan di hadapan pegawai JPJ dan polis, tetapi apabila bayang pegawai berkenaan hilang, sopan santun dan sikap mereka juga turut hilang. Inilah yang sering terjadi. Jika pemandu menjadi serba salah apabila bas atau teksi mereka diserbu, penumpang juga sering serba salah apabila pemandu membawa kenderaan mereka seperti lipas kudung.

Sebenarnya, orang ramai juga tidak sukar untuk didisiplinkan. Jika kita boleh mendisiplinkan pemandu dengan menguatkuasakan peraturan, perkara yang sama juga boleh kita laksanakan di kalangan penumpang. Apa yang penting ialah tindakan tegas serta penguatkuasaan berterusan. Jika setiap hari kena marah atau didenda di hadapan orang ramai kerana berebut-rebut naik bas, mungkin mereka malu dan serik juga akhirnya. Ini terbukti dengan apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa di Singapura yang mana rakyatnya lebih berdisiplin kerana undang-undang tegas.

Mengenai pemandu rakus, kita tidak berniat menuduh melulu tanpa bukti. Kebelakangan ini, kita banyak menerima aduan dan rungutan daripada orang ramai mengenai sikap pemandu kenderaan awam, khususnya pemandu bas Intrakota yang tidak berdisiplin dan memandu tanpa memikirkan keselamatan orang lain. Dulu kita sibuk mengenai sikap pemandu bas mini yang kurang ajar dan berlagak seperti samseng, tetapi kini pemandu bas Intrakota pula yang bersikap seperti itu. Ke manakah sopan santun yang mereka amalkan sebelum ini? Mungkin jika Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad masih ada, perkara seperti ini tidak akan berlaku.

Selain soal disiplin penumpang dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam, kita juga ingin sentuh sedikit mengenai caj letak kereta di stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di sekitar ibu kota. Perkara ini mungkin nampak kecil bagi pihak tertentu, tetapi bagi sesetengah pengguna ia

adalah isu besar kerana boleh menjejaskan perbelanjaan harian mereka. Kadar 50 sen sejam yang dikenakan agak membebankan bagi mereka yang bekerja kerana terpaksa meletak kereta selama sekurang-kurangnya lapan jam sehari. Ini bermakna mereka perlu membayar RM4 sehari atau RM96 sebulan, tidak termasuk Ahad. Dalam soal ini, mungkin pihak berkenaan wajar mengikut langkah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang hanya mengenakan caj RM2 bagi setiap kereta untuk sekali masuk di kebanyakan tempat letak kereta berhampiran stesen komuter mereka.

Kita juga sedar mengenai wujudnya khidmat bas `feeder' yang menghubungkan stesen LRT dengan kawasan sekitarnya, tetapi ia tidak meliputi semua kawasan, malah banyak taman perumahan yang tidak dilalui bas berkenaan. Jika kita ingin galakkan orang ramai menaiki LRT, sepatutnya kita menyediakan kemudahan sewajarnya kepada mereka.

(END)